


BIL 17, APRIL 2009

TINTA

GENERASI GLOKAL MENGHADAPI DUNIA TANPA SEMPADAN



جامعة تكنولوجيا مارا

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



ISSN 0127-5700

Penerbit:
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi MARA

Penaung:
Prof. Madya Dr. Adnan
Jamaludin

Pengerusi JK Penerbitan:
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah
Yaacob

Pensyarah Penasihat:
Dr. Wan Ab. Kadir Wan Dollah
En. Azmi Abdul Rahman

Pengurus Penerbitan:
Azlan Shah Hailani

Ketua Editor:
Mohammad Nasnie Nor Rodin

Penolong Ketua Editor 1:
Siti Zubaidah Abdul Rahman

Penolong Ketua Editor 2:
Mohd Awis Abu Bakar

Editor:
Nor Azlin Maarof,
Niken Setya Pertiwi,
Aina Zaireynna Zainuddin,
Nurul Ain Md Nor,
Nor Alif Saharudin,
Farhah Waheda Mohd Khalil,
Sazrina Salikin,
Nuruljannah Zaib,
Shazaila Shaharudin,
Siti Nuraidah Abdul Rahim,
Syuhadah Shukor,
Noor Khaiza Mohammed,
Noradiana Sairin,
Lydia Linang Buntoi,
Siti Naimah Mohd,
Afiqah Ariffin,
Rizal Jappar,
Malissa Mahmud

Setiausaha:
Wan Azlida Salwa Wan Ali

Penolong Setiausaha 1:
Siti Norazhani Ramli

Penolong Setiausaha 2:
Nina Natasha Sajili

Dari Editor

Komunikasi di antara manusia di seluruh dunia telah berkembang dengan pesat dari semasa ke semasa dengan penghasilan teknologi baru hasil daripada kajian berabad lamanya. Kini, teknologi tersebut telah dilabelkan sebagai teknologi tradisional atau antik oleh sesetengah pihak setelah ianya mengalami perubahan demi perubahan yang sangat ketara.

Dulu, perhubungan antara manusia disebarluaskan melalui manusia itu sendiri atau melalui lukisan dibangun dari semasa ke semasa dan telah didominasi oleh pelopor-pelopor dari Negara Barat yang telah berkurun lamanya memikirkan tentang masalah-masalah komunikasi ini, bermula di kawasan Tigris dan Eufrates lebih dari 3,000 tahun Sebelum Masihi dengan penghasilan bongkah-bongkah tanah liat ke papyrus sehingga ke kaedah teknik pencetakan tekanan oleh Johann Guttenberg.

Sehingga kurun ke 20 di mana sebuah agensi milik Jabatan Pertahanan Kerajaan Amerika Syarikat telah mencipta peralatan teknologi komunikasi era moden yang telah menghubung dunia yang dikenali sebagai Internet. Hasil kajian ini adalah penting terutama sekali untuk pertukaran data dan maklumat, diadaptasi daripada penciptaan litar telefon.

Begitu juga di Malaysia, setelah perlakunya ledakan maklumat dan penyebaran maklumat tanpa sekat, pihak berkuasa telah mengambil tindakan dengan mengawal, merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti khusus kepada rakyat Malaysia bagi mengambil kesempatan penyebaran maklumat yang memberi kepentingan penduduk di negara ini.

Walaubagaimanapun, pihak berkuasa melalui agensi-agensinya telah mengambil inisiatif menapis maklumat-maklumat tersebut yang berbentuk negatif, berbaur perkauman dan yang boleh mengikis kebudayaan rakyat di negara ini. Generasi muda disarankan mengambil peluang dan aktiviti yang ditawarkan seperti membuat laman sesawang untuk memasarkan apa jua produk keluaran mereka termasuk perkhidmatan yang ditawarkan.

Diharapkan dengan terbitnya majalah ini akan memberi maklumat yang berguna kepada sesiapa sahaja yang terlibat atau mahu tahu bagaimana mereka boleh berkembang dengan hanya menjadikan rumah sebagai pejabat mereka dan "Generasi Glocal Menghadapi Dunia Tanpa Sempadan" menggalakkan perkembangan tenaga manusia bersifat kelas dunia (global) dari segi pemikiran tetapi berasal dari rantau ini tanpa meninggalkan walau sedikit pun ciri-ciri sebagai rakyat Malaysia.

Akhir kata, Sidang Editor ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan ini. Selamat Membaca.

MAKLUMAN

TINTA adalah sebuah terbitan tahunan oleh para pelajar program Bachelor of Science in Information Studies (Hons) @ IS 220 yang mengambil kursus *Publications and Production of Information Materials* (IML 601). Skop rencana meliputi pelbagai isu dalam bidang pengurusan maklumat.

Rekacipta Grafik:

Syed Mohd. Huszainor & Zaki Julaihi

Pemasaran:

Rajak Telimik, Zuraidah Asha'ari, Suhailah Mad Arof &
Maulidiah Abdul Rahman

Alamat Penerbit:

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
(Tel. 03-79622013/2020) (Fax. 03-79622007)
<http://www.fpm.uitm.edu.my>

ISI KANDUNGAN

BIL.17 APRIL 2009 ISSN : 0127-5700

NO	PENGARANG	TAJUK	MUKA SURAT
1	ADNAN JAMALUDIN & RAJA ABDULLAH YAACOB	FACULTY OF INFORMATION MANAGEMENT, UITM: PAST, PRESENT AND FUTURE	1-25
2	AZMAN IBRAHIM	DUNIA TANPA SEMPADAN: CABARAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERDAYA SAING	26-29
3	MOHD RIDWAN BIN SEMAN @ KAMARULZAMAN & MOHD ROZI REMELI @ RAMELI	CABARAN-CABARAN TENTANG DATA BERSEPADU (DATA INTEGRATION)	30-36
4	WAN AB. KADIR WAN DOLLAH & MOHD ZAIHAN HUSSIN	REDEFINING THE ROLES OF THE UNIVERSITY LIBRARIANS	37-41
5	DANG MERDUWATI HASHIM	ETHICS IN RESEARCH	42-45
6	RAJA ABDULLAH YAACOB	PEMBUDAYAAN ILMU DALAM KERJA SEHARIAN	46-59
7	FUZIAH HAJI MOHD NADZAR	MENGETAHUI GAYA PEMBELAJARAN ANDA UNTUK PEMBELAJARAN BERKESAN	60-64
8	SOBARIAH AWANG MUKHTAR	PERANAN PIHAK PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH KE ARAH PEMBESTARIAN PENDIDIKAN	65-74
9	RAJA ABDULLAH YAACOB	RECORDS MANAGEMENT AND ISO 9001	75-84
10	ABD RAHIM ABD RAHMAN	MINAT MEMBACA DAN AYAT-AYAT CINTA	85-88
11	RAJA ABDULLAH YAACOB	REMINESCENCE OF RADHA NADARAJAH: THE FIRST HEAD, SCHOOL OF LIBRARY SCIENCE, UITM	89-90

PERANAN PIHAK PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH KE ARAH PEMBESTARIAN PENDIDIKAN

oleh Puan Hajah Sobariah Awang Mukhtar

Abstrak: Pengimplementasian sekolah bestari di Malaysia adalah untuk menyokong sektor pendidikan dalam usaha untuk menghasilkan masyarakat celik IT dan berilmu pengetahuan agar mampu berdaya saing secara global di dalam era maklumat. Pendidikan bestari mengamalkan cara baru dalam sistem persekolahan, sistem pengajaran, sistem pembelajaran, sistem pengurusan dan penilaian pelajar melalui bantuan teknologi. Kertas ini akan membincangkan peranan pihak pengurusan dan pusat sumber sekolah dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran demi memperkuuhkan kualiti pendidikan berbantukan penggunaan teknologi dalam memenuhi keperluan pendidikan bestari. Di samping itu kertas ini turut menerangkan peranan guru media di dalam memperkenalkan teknologi baru, mempromosikan bahan pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi dan mengendalikan program latihan dalam mengemaskinikan bahan dan ilmu.

Kata Kunci: Pusat Sumber, Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran, Teknologi, dan Sekolah Bestari.

PENDAHULUAN

Kemajuan pendidikan semakin hari semakin bertambah jelas dipengaruhi oleh elemen seperti teknologi maklumat khususnya komputer dan telekomunikasi. Selain daripada dorongan peralatan teknologi dan perisian, pengurusan pendidikan yang berteraskan kecekapan dan keberkesanan juga turut memainkan peranan dalam mencapai kemajuan ini.

Perkembangan dunia pendidikan memaksa Malaysia melaksanakan perubahan atau ‘reengineering’ di dalam sistem pendidikannya ke arah menghasilkan tenaga kerja yang celik IT, berkeupayaan untuk bekerja di dalam dunia global dan menggunakan teknologi dalam era maklumat. Budaya sekolah perlu diubah dari “memory-based” kepada yang bermaklumat, merangsang pemikiran kreatif dengan menggunakan “information based”.

Oleh itu pada tahun 1999 sistem pendidikan bestari telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia. Pihak kerajaan juga berharap semua sekolah menengah dan rendah yang jumlahnya 10,000 akan mencapai taraf sekolah bestari pada tahun 2010.

Di dalam merealisasikan aspirasi ini sekolah perlu mengembangkan seluruh sumbernya menerusi pengurusan pusat sumber yang efektif dan efisyen untuk memenuhi keperluan proses pengajaran dan pembelajaran bestari yang telah banyak mengalami perubahan dari sistem sebelumnya.

SISTEM PENDIDIKAN BESTARI

Sistem pendidikan bestari telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1999 dimana sebanyak 88 buah sekolah rintis telah dibangunkan yang

menelan belanja 30 juta bagi setiap buah sekolah. Menurut Fiske (1992), sekolah bestari mengamalkan kaedah baru dalam sistem pendidikan, sistem pengajaran, sistem pengurusan dan penilaian pelajar berteraskan teknologi.

Pendidikan bestari bercirikan semua murid mampu belajar, kurikulum mengambilkira pelbagai kebolehan dan keperluan, iklim sesuai untuk pembelajaran, penilaian yang dibuat secara berterusan, pentadbiran dan guru yang professional dengan sokongan komuniti dan ibubapa. Mengikut kertas konsep sekolah bestari yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pendidikan bestari bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang berfikir dan celik IT, meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan, membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani pelajar, mendemokrasi pendidikan dan mewujudkan peluang bagi meningkatkan kekuatan dan kebolehan individu. Ini adalah usaha ke arah mencapai matlamat falsafah pendidikan kebangsaan dan membangunkan tenaga kerja untuk menghadapi zaman maklumat.

Menurut Perkins (1992) pula, pendidikan bestari berpusatkan pemikiran dan pembelajaran. Ini mengambarkan bahawa ianya penuh dengan aktiviti yang memerlukan pemikiran tahap tinggi. Sekolah bestari amat rapat kaitannya dengan aplikasi teknologi dalam pengurusan sekolah dan juga pengajaran dan pembelajaran. Ciri terpenting sekolah bestari berkait dengan penggunaan computer sebagai alat terpenting dalam pengurusan system maklumat.

Kurikulum Bestari.

Fokus kurikulum pendidikan bestari adalah direka bentuk dalam pelbagai domain untuk

membolehkan pelajar berkembang secara menyeluruh dan seimbang, pengintegrasian ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan penggunaan bahasa yang tepat merentasi kurikulum. Pencapaian pembelajaran dinyatakan secara jelas dan menyeluruh bagi membolehkan pelajar memperolehi akses kepada pembelajaran berkualiti dan pembelajaran berlaku secara "self-paced" dengan pengintegrasian ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap sejajar dengan era maklumat. Kurikulum yang berorientasikan kehendak pelajar perlu responsif kepada perubahan yang berasaskan komputer dan teknologi maklumat.


Amalan Proses Pengajaran Bestari

Sistem pengajaran atau pedagogi bestari dipengaruhi oleh beberapa aspek yang berkait dengan gaya pembelajaran, pelbagai kecerdasan, pembelajaran, pembelajaran korperatif, kolaboratif, kecekapan laju, konstruktivisme, arahan kendiri, pengalaman kendiri dan sokratik.

Anjakan paradigma yang berlaku didalam proses pengajaran dan pembelajaran antara amalan semasa dan amalan bestari menunjukkan amalan kini dimana guru membekalkan maklumat kepada pelajar, memberi lebih jawapan daripada soalan, bertanya soalan aras rendah dan menggunakan sumber dalam bentuk teks dan bukan elektronik yang mana pendekatannya lebih berpusat kepada pelajar dan berfokuskan pembelajaran. Manakala dari sudut amalan bestari pula guru membekalkan tugas yang mencabar dan memerlukan penyiasatan dan analisis, memberi soalan lebih daripada jawapan, bertanya soalan aras tinggi dan menggunakan sumber yang pelbagai, khususnya yang berteknologi dengan menggunakan pendekatan berpusatkan

pemikiran pelajar dan berorientasikan proses pembelajaran. Proses pendidikan bestari terbuka luas dengan adanya hubungan pengajaran, pembelajaran dan pengurusan pendidikan seluruh

dunia dan scenario ini akan berterusan selagi sumber pendidikan tidak terhad kepada apa yang hanya ada di sekolah.



Rajah 1: Anjakan Paradigma Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Sumber: Ab. Rahim Selamat (2000). *Pengurusan Sekolah Bestari*. Kuala Lumpur: Zafar Pub.

Kaedah pengajaran perlu selaras dengan gaya belajar pelajar seperti melalui kaedah

dengar dan lihat, perbincangan, membuat projek, bersoal jawab, melawat, kajian luar,

membaca sendiri dan gaya belajar yang berkesan mengikut kebolehan pelajar. Sistem pembelajaran bestari berteraskan ciri-ciri seperti pembelajaran yang bermakna, berpusatkan budaya berfikir, dapat memupuk dan mengembangkan segala potensi pelajar.

Amalan pembelajaran bestari

Pembelajaran adalah aktiviti dan proses kendalian pelajar sama ada hasil pengajaran guru di dalam bilik darjah atau hasil aktiviti kendalian pelajar sendiri selepas dan sebelum pengajaran guru. Sistem pembelajaran bestari berteraskan ciri-ciri seperti pembelajaran yang bermakna, berpusat budaya berfikir, dapat memupuk dan mengembangkan segala potensi pelajar secara cekap dan berkesan, menggunakan keupayaan berfikir yang mendalam dari himpunan pengetahuan dan kemahiran yang lengkap dan kemaskini. Pembelajaran juga perlu dibantu dengan kemahiran menggunakan alat teknologi, berpusatkan budaya berfikir, berbudaya serba tahu, senantiasa ingin mencuba, kreatif, menggunakan pelbagai sumber, berteraskan aktiviti, berjaringan, berpusatkan belajar dan pelajar, manfaatkan sumber teknologi, sumber ilmu dan kebijaksanaan, secara menyeluruh dan bersepadu, dalam pelbagai situasi, terbuka dan pelbagai kemungkinan, kecerdasan pelbagai dan pembelajaran koperatif.

Suasana belajar yang menggunakan pelbagai sumber menjadi salah satu cirri asas pembelajaran di sekolah bestari. Sumber ini meliputi sumber manusia, teknologi, masa, situasi, dan juga peluang. Untuk menggunakan pelbagai sumber pelajar perlu mempunyai pelbagai kemahiran seperti menggunakan komputer, perpustakaan,

buku, muzium, alam sekitar, rakan sebaya, ahli keluarga dan masyarakat. Sistem pendidikan bestari mengamalkan cara pembelajaran dengan menggunakan courseware interaktif menggunakan CD-ROM atau melalui intranet sekolah, dengan networking melalui e-mail kepada pakar tertentu, dengan mendapatkan bahan di internet, dengan berkongsi maklumat dengan rakan lain melalui perbincangan, dengan membuat field trip atau lawatan ketempat mempunyai sumber maklumat yang diperlukan serta juga memperolehi maklumat dari bahan konvensional.

PERANAN PUSAT SUMBER DALAM PENDIDIKAN BESTARI

Di dalam memastikan kejayaan pendidikan bestari, pusat sumber sekolah perlu menggunakan sumber pendidikan yang pelbagai jenis selaras dengan keperluan pelajar yang mempunyai gaya belajar yang tersendiri serta mengikut keupayaan yang berbeza. Antara peranan utama pusat sumber ialah:

- Mengesan dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran
- Menilai bahan-bahan yang mempunyai hubungan dengan bidang dan matapelajaran
- Melengkapkan penggunaan ‘courseware’ yang bersesuaian dengan sistem pengurusan sekolah bestari (SSMS).
- Mengesan dan menyimpan data-data individu sebagai bahan sumber untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran

- Mengemaskini inventori semua sumber pendidikan sekolah
- Sistem pusat sumber berautomasi.

Pusat sumber bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ia merupakan pusat penyimpanan koleksi maklumat yang terkini dipilih dan disimpan secara sistematik untuk digunakan oleh pengguna mengikut keperluan. Terdapat juga perkhidmatan serta pelbagai program yang dijalankan untuk pelajar dan guru sekolah menggunakan bahan-bahan serta peluang-peluang yang terdapat di dalamnya.

Fungsi Pusat Sumber

Pusat sumber mempunyai tiga fungsi utama iaitu teknologi pengajaran, makmal pembelajaran dan pengurusan ilmu .

Teknologi Pengajaran

Fungsi sebagai teknologi pengajaran memerlukan pusat sumber menyediakan bahan pengajaran, memberi peluang kepada pelajar menggunakan bahan dalam pelbagai bentuk (komputer, projector, slaid, dan lain-lain), memberi motivasi kepada pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran, menarik minat pelajar terhadap pelajaran ,memperkuuhkan kualiti bahan pengajaran dengan pengunaan computer, mengurangkan masa yang diperlukan dalam mereka dan megeluarkan lagi bahan, meningkatkan keberkesanannya pengajaran melalui persempahan yang menarik, menyatukan pengunaan grafik, video, audio dan teks dalam bentuk media menjadi satu persempahan yang bersepada, komunikasi dengan pusat sumber lain jauh dan dekat serta pelajar boleh menggunakan computer dalam menyempurnakan tugas mereka.

Makmal Pembelajaran

Peranan pusat sumber sebagai makmal pembelajaran pula ialah merancang media pendidikan yang dapat diintegrasikan dalam kurikulum sekolah untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran, mengumpul dan menyebarkan segala macam maklumat yang berkaitan dengan teknologi dan reka bentuk pengajaran, mengumpul maklumat dan mengedarkan berbagai jenis alat dan bahan mengajar (cetak dan bukan cetak) untuk kemudahan guru dan murid, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan media yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza antara satu dengan yang lain, membantu guru memilih dan menilai alat dan bahan pengajaran yang telah dihasilkan oleh guru sendiri atau yang diberi oleh pihak pembekal serta melatih dan mengalakkan guru menggunakan alat dan bahan media mengikut pendekatan sistem.

Pengurusan Ilmu

Fungsi pusat sumber dalam pengurusan ilmu pula ialah untuk mengenalpasti bahan atau ilmu yang diperlukan oleh sebuah sekolah, untuk memastikan bagaimana ilmu dapat distrukturkan untuk memenuhi keperluan pelajar, membantu pelajar dan pengajar menggunakan kaedah IT untuk akses ilmu yang terdapat di dalam pusat sumber serta membantu guru dan pelajar menggunakan ilmu yang terdapat di dalam pusat sumber secara kreatif. Melihat kepada fungsi-fungsi yang perlu dimainkan oleh pusat sumber di dalam pendidikan bestari ini jelas ianya perlu menghadapi pelbagai cabaran berkaitan teknologi maklumat, komunikasi dan globalisasi.

Enam Bahagian Asas Pusat Sumber Sekolah

Untuk memastikan pusat sumber sekolah dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan dalam merealisasikan aspirasi pendidikan bestari, pusat sumber sekolah perlu mempunyai enam bahagian asas iaitu:

- Makmal bestari pula dilengkapi dengan computer yang mempunyai kemudahan internet untuk memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran berbantuan komputer.
- Bilik akses kendiri di mana disediakan kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat secara individu mengikut keperluan mereka.
- Bilik alat pandang dengar (APD) pula menempatkan semua alat pandang dengar seperti radio, video, projector, ‘overhead projector, CD ROM dan lain-lain.
- Perpustakaan pula menempatkan buku, akhbar, majalah, jurnal, peta, glob dan lain-lain.
- Bilik simulasi pula menempatkan bahan-bahan yang dapat membantu pelajar untuk meningkatkan keupayaan mereka secara individu atau berkumpulan.
- Bilik bantu mengajar menempatkan segala bahan yang telah dihasilkan oleh guru media dan guru untuk digunakan oleh guru-guru lain.

Pengurusan sumber – sumber di dalam pusat sumber

Pusat sumber memainkan peranan menguruskan pelbagai sumber pendidikan untuk memenuhi keperluan kurikulum bestari serta memenuhi gaya dan keupayaan belajar pelajar yang tidak serupa antara satu sama lain. Antara ciri-ciri pengurusan ialah:

- Wujudkan pengkalan data yang lengkap termasuk video dan audio untuk memudahkan pembelajaran lebih cepat dan tepat melalui sistem otomasi dan rangkaian pangkalan data. Sistem simpanan maklumat berkomputer perlu direncanakan supaya semua pengguna dapat akses maklumat dalam pelbagai bentuk.
- Berupaya menyediakan tugas yang diberikan secara individu dalam bentuk bercetak dan elektronik. Bahan rujukan boleh diperolehi dengan cepat. Pusat sumber mempunyai koleksi media bercetak seperti buku dan bukan cetak seperti video, gambar dan audio. Tugasan ilmiah boleh disempurnakan secara “online” melalui bantuan computer seperti mel elektronik.
- Menguruskan perisian kurikulum di mana guru media, guru subjek, pelajar dan staf lain boleh merancang, mengelola, membimbing dan mengawal pengeluaran, penggunaan dan penyimpanan perisian pembelajaran.

- Boleh mengakses pangkalan data kebangsaan dan antarabangsa di mana pembelajaran tiada had, tiada sempadan masa dan tempat.
- Pembelajaran juga tiada had apa yang hendak dan boleh dipelajari. Ini akan menghasilkan kualiti dan kuantiti pembelajaran yang tinggi.

Cara pembelajarannya bestari adalah dengan menggunakan courseware interaktif, menggunakan CD-ROM atau melalui intranet sekolah, dengan networking melalui e-mail kepada pakar / pihak tertentu, dengan mendapatkan bahan di internet, dengan berkongsi maklumat dengan rakan lain melalui perbincangan, dengan membuat lawatan ke tempat mempunyai sumber maklumat yang diperlukan serta memperolehi maklumat dari bahan konvensional seperti buku dan perpustakaan tradisional. Dengan pengurusan sumber pendidikan yang effisyen sekolah beroleh beberapa faedah iaitu dapat mengurangkan kos pengurusan maklumat, dapat menyediakan bahan yang tepat dan bersesuaian kepada guru dan murid “ just in time”, meningkatkankeupayaan mengurus sumber pendidikan dengan mengaitkannya dengan kurikulum dan memudahkan sekolah untuk mendapatkan sumber pada bila-bila masa diperlukan.

Pengurusan sumber luar

Pengurusan sumber dari luar juga amat diperlukan dalam memastikan kejayaan pembestarian pendidikan. Dua komponen utama yang perlu ada dalam pengurusan pusat ialah mewujudkan pengkalan data yang lengkap tentang sumber

luar seperti kepakaran dan bahan yang terdapat dalam masyarakat. Kedua ialah cara belajar melalui lawatan secara fizikal atau melalui laman web iaitu secara maya. pusat sumber sekolah perlu menyelia sumber luar yang dapat membantu pengajaran dan pembelajaran dalam dan luar negara. dalam laman web. Guru media perlu mengurus dan merancang serta memilih sumber dari luar yang bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran. Ianya juga perlu selaras dengan kurikulum terkini serta terdapat dalam bentuk elektronik.

PERANAN GURU MEDIA DAN PIHAK PENGURUSAN SEKOLAH

Peranan guru pusat sumber/guru media/penyelaras pusat sumber sekolah

Dalam memastikan sekolah mendapat faedah dan peluang dari pengurusan pusat sumber yang berkesan ini peranan guru pusat sumber atau guru media atau penyelaras pusat sumber amat penting. Tanpa kesedaran serta kefahaman terhadap keperluan pendidikan bestari maka pengurusan pusat sumber yang berkesan tidak mungkin tercapai. Antara peranan yang perlu dimainkan oleh mereka ialah seperti:

- Bekerjasama antara guru subjek dan pelajar dalam memperkenalkan teknologi baru. Membantu guru dalam penyediaan alat bantu mengajar serta menunjuk ajar cara pengendalian alat atau teknologi ICT.
- Guru media juga perlu mengadakan orientasi pusat sumber kepada pengguna iaitu pelajar, guru dan juga ibu bapa.

- Guru media perlu mempromosikan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru dan pelajar mengenai penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran oleh pusat sumber serta mengalakkan guru menggunakan seperti penggunaan multimedia dalam pengajaran.
- Untuk meningkatkan keupayaan guru-guru sekolah dalam menggunakan sumber pengajaran yang terdapat didalam pusat sumber guru media mesti mengadakan latihan kepada guru-guru serta pelajar bagaimana cara untuk mengakses maklumat serta juga mengadakan pameran
- Guru media juga senantiasa mengemaskini bahan dan ilmu di dalam pusat sumber seperti menyediakan bahan-bahan pengajaran yang relevan dan mempunyai maklumat yang terkini serta senantiasa bersedia mengubah kaedah tradisional kepada cara moden berdasarkan kepada perubahan teknologi terkini.
- Perbincangan di antara guru media dan guru-guru, guru panitia serta pengetua Perlu untuk mengetahui bahan yang perlu disediakan mengikut matapelajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran.
- Guru media juga perlu bersedia untuk memberikan khidmat nasihat kepada pelajar dalam usaha untuk mengalakkan pelajar menggunakan sumber dan melawat pusat sumber.
- Dalam memasti keberkesanan pengurusan serta perkhidmatan yang di sediakan oleh pusat sumber sudah tentu memerlukan seorang guru media secara sepenuh masa. Untuk itu guru media perlulah senantiasa bersedia untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam meningkatkan (content knowledge)-ilmu mengurus pusat sumber, membuat keputusan, ilmu untuk membuat promosi atau memperkenalkan pusat sumber kepada pengguna, mampu menjalankan penyelidikan dan mengaplikasikan hasil serta ilmu baru yang diperolehi dari penyelidikan bagi meningkatkan lagi keupayaan pusat sumber.
- Guru media juga mestilah mampu untuk mempromosikan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di kalangan pelajar dalam membantu menyiapkan tugas mereka agar menjadi lebih kritis di samping mempromosikan kemahiran menilai maklumat kepada guru, pelajar dan staf.
- Dapat mempromosikan perkembangan intelektual yang dinamik dalam meningkatkan pencapaian pelajar dan mampu memenuhi keperluan pelajar dan
- Bagi menarik agar pusat sumber senantiasa dikunjungi oleh pengguna guru media perlulah arif dalam mengurus pusat sumber secara efektif, efisyen serta membuktikan ianya mampu meningkatkan pencapaian dalam prestasi pendidikan sekolah.

Peranan Pihak Pengurusan Sekolah

Pengurusan pusat sumber yang berkesan lagi efektif tidak mungkin akan tercapai tanpa kesedaran serta keyakinan daripada pihak pengurusan sekolah. Sokongan yang berterusan amat diharapkan agar pusat sumber mampu berkembang dan sekaligus menjadi nadi kepada pembestarian pendidikan. Pengurus sekolah perlu menyedari peri pentingnya peranannya. Sebagai langkah awal pengurus perlulah bertindak untuk :-

- Berwawasan dan memahami visi sekolah bestari.
- Memberi sokongan moral, teknikal, kewangan kepada guru-guru yang akan menjayakan sekolah bestari.
- Mempastikan prasarana untuk membangun dan memperkembangkan proses pembelajaran bestari dapat diperolehi dan dilaksanakan.
- Memahami konsep sekolah bestari

PENUTUP

Dalam menyahut cabaran Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap pembestarian pendidikan pada tahun 2010 ini di mana semua sekolah akan menggunakan system pendidikan bestari pihak pengurusan sekolah seharusnya tidak perlu merasa gusar. Pelbagai perancangan telah dibuat untuk membangunkan pusat sumber sekolah sebagai nadi kepada pembestarian pendidikan iaitu seperti infrastruktur, peralatan, perabut dan staf yang berkemahiran. Walaupun sekolah tidak mempunyai prasarana seperti yang terdapat di sekolah bestari gred 'A' tetapi dengan memiliki sebuah pusat sumber sekolah yang diurus tadbir dengan berkesan dan efektif sudah tentu akan dapat membantu menaik taraf sekolah untuk mencapai status sekolah bestari seperti mana yang telah pun dicapai oleh beberapa buah sekolah biasa yang telah mendapat anugerah pusat sumber sekolah cemerlang. Pengurus pusat sumber perlu senantiasa peka terhadap perubahan teknologi dan senantiasa meningkatkan ilmunya dalam usaha untuk menyediakan keperluan sumber di sekolah bagi tujuan memenuhi keperluan guru-guru dan murid dalam pendidikan bestari.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahim Selamat (2000). *Pengurusan Sekolah Bestari*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Pub. Sdn. Bhd.
- Gillespie, A. and Diana, G. (1983). *Administering the school library media center*. New York: R.R. Bowker Company.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). *Smart school flagship application: A conceptual blueprint*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). *Smart school flagship application: The Malaysian smart school implementation plan*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). *Smart school flagship application: The Malaysian smart school management*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). Smart school flagship application: The Malaysian smart school technology infrastructure. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). *Smart school flagship application: The Malaysian smart school assessment school system*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Koehler, A. (1998), “Special feature: a new paradigm for teaching with technology”. *Journal of Development Education*, .22: 36-37.
- Mohamed Sani dan Mohd Jasmy (2003). Pembestarian sekolah era globalisasi: satu pemikiran baru dalam sistem pendidikan. *Jurnal BTP*. Disember 2003: 21-30.
- Nor Hayati Abd Rashid dan Zaharah Kasim. (2002). Teknologi Maklumat dan komunikasi teras pendidikan di alaf baru. *Jurnal BTP*. Disember 2002.
- Perkins, David (1992). *Smart School: Better thinking and learning for every child*. London: Forces Press.

Biodata

Puan Hajah Sobariah Awang Mukhtar berkelulusan M.Ed. (UM) dan B.A. Hons (UM) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat dan kini merupakan Ketua Program bagi program IS 223.